

TRANSPARENSI SEBAGAI PAKEJ PENGAJARAN :  
KAJIAN TERHADAP KESESUAIAN PENGGUNAAN PANDUAN RINGKAS DI  
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK POLITEKNIK JOHOR BAHRU

JULIA BINTI MARJUKI

Kajian kes ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

SEPTEMBER, 2002



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

*Buat emak dan abah tersayang...  
"Terima kasih atas pengorbanan selama ini"*

*Buat suami tercinta...  
"Terima kasih sebab jadi suami sayang..."*

*Buat permata hati ibu SITI NURFAHIN...  
"Sorry sebab ibu selalu tak ada..."*

*Abang-abang, kakak-kakak, rakan-rakan dan seluruh ahli keluarga*

**SEMOGA ALLAH MEMBALAS BAKTI YANG KALIAN CURAHKAN  
DAN KITA AKAN BAHAGIA SAMPAI BILA-BILA**



PT TAJUK THM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izinan-Nya dapat saya menyiapkan projek ini hingga ke akhirnya.

Pertama, ucapan setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada Pn. Halizah Binti Awang selaku pembimbing di atas segala tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang saya menjalankan projek ini. Segala jasa baik beliau amat-amat saya hargai.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada responden yang telah memberikan kerja sama begitu baik sekali. Kepada emak abah, suami, adik-beradik dan rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi sokongan. Terima kasih kerana sudi bersama dalam keadaan susah dan senang.

Harapan saya semoga kajian kes ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak. TERIMA KASIH!!



PTAAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau keberkesanan transparensi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P). Responden kajian terdiri daripada pensyarah dan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik Johor Bahru. Seramai 120 orang pelajar dipilih secara rawak bagi mewakili populasi berjumlah 1198 orang dan 30 orang pensyarah mewakili populasi sebanyak 58 orang. Set panduan ringkas diberikan kepada pensyarah untuk dijadikan panduan dalam menyediakan nota transparensi. Nota yang telah dihasilkan akan digunakan dalam sesi pengajaran mereka. Kajian direka bentuk menggunakan pendekatan secara tinjauan dan pengumpulan data melalui kaedah instrumentasi borang soal selidik. Penganalisan data adalah menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* versi 10. Data dianalisis bagi mendapatkan peratusan dan juga min. Dapatan kajian menunjukkan 85.7% pensyarah berpuas hati dengan penggunaan nota yang digunakan oleh pensyarah. Secara keseluruhannya responden bersetuju panduan ringkas yang digunakan membantu menghasilkan nota transparensi yang baik di samping menjadikan sesi pembelajaran di dalam kelas lebih berkesan.



## ABSTRACTS

This research is done to find out the effectiveness of the transparency usage in the classroom for teaching and learning process in Electrical Engineering Department of Polytechnic Johor Bahru. Several lecturers are given short guidance note on how to use and prepare the transparency in the classroom. The research developed by using approach and data collecting using questionnaire form. Research is being prepared by selecting randomly 120 students on behalf of 1198 students and 30 lecturers on behalf of 58 lecturers. Data analysis is done by using SPSS (Statistical Packages for Social Science) version 10 software. Data analysis used to give percentage and average (mean). The result show that 85.7% lecturer satisfied to used short guidance note to produced good transparency and 90.3% student satisfied with the transparency note that used in the classroom. Finding of the research agreed that the short guidance given help produced good transparency note helping the lecturer to improve teaching and learning session in the classroom.



PT TAAUHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN KAJIAN KES	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACTS	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif kajian	4
	1.5 Persoalan Kajian	5
	1.6 Skop Kajian	5
	1.7 Definisi	5
	1.7.1 Transparensi	5

1.7.2	Pakej	6
1.7.3	Pengajaran	6
1.7.4	Berkesan	6
1.8	Kepentingan Kajian	6
1.8.1	Pelajar	7
1.8.2	Pensyarah	7
1.8.3	Institusi	7
1.9	Batasan Kajian	7

**BAB 2****SOROTAN PENULISAN**

2.1	Pengenalan	8
2.2	Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan ABBM	9
2.3	Transparensi Sebagai ABBM	12
2.4	Teknik-teknik Penggunaan Tansparensi	13
2.5	Kelebihan Dan Kekurangan Penggunaan Transparensi	15
2.5.1	Kelebihan Transparensi Dalam Pendidikan	15
2.5.2	Kelemahan Transparensi Dalam Pendidikan	17
2.6	Panduan Mereka Bentuk Transparensi	18
2.7	Kajian Rintis	19

**BAB 3****METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	20
3.2	Reka Bentuk Kajian	20
3.3	Sampel Kajian	21
3.4	Instrumen Kajian	22

3.4.1	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	25
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	26
3.6	Kaedah Analisis Data	27
3.7	Andaian	28

**BAB 4****REKA BENTUK DAN PENILAIAN PRODUK**

4.1	Pengenalan	29
4.2	Latar Belakang Penghasilan Produk	29
4.3	Reka Bentuk Produk	31
4.3.1	Bentuk Dan Ciri-ciri Produk	31
4.3.2	Kronologi Pembentukan Produk	32
4.3.3	Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	32
4.3.4	Bahan-bahan Membina Produk	33
4.3.5	Kos Membina Produk	34
4.3.6	Dokumentasi Produk	34
4.4	Penilaian Produk	35
4.4.1	Instrumen Untuk Menilai Produk	35
4.4.2	Sampel Penilaian Produk	36
4.4.3	Fokus Penilaian	37

**BAB 5****ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

5.1	Pengenalan	40
5.2	Analisis Soal Selidik Untuk Pensyarah	40
5.2.1	Demografi pensyarah	41
5.2.1.1	Jantina	41
5.2.1.2	Pengalaman Kerja	41
5.2.1.3	Latar Belakang Pendidikan	42



	5.2.1.4 Kelulusan	43
	5.2.1.5 Mata Pelajaran Yang Diajar	43
	5.2.2 Penghasilan Panduan Ringkas	44
	5.2.3 Keberkesanan Penggunaan	45
	5.2.4 Maklum Balas Pensyarah	48
5.3	Analisis Soal Selidik Untuk Pelajar	49
	5.3.1 Analisis Demografi Pelajar	49
	5.3.1.1 Jantina	49
	5.3.1.2 Pengkhususan	50
	5.3.1.3 Umur	50
	5.3.2 Keberkesanan Penggunaan Transparensi	51
	5.3.2.1 Penggunaan Transparensi	51
	5.3.2.2 Spesifikasi Penggunaan	53
	5.3.2.3 Kaedah Penggunaan	54
	5.3.3 Maklum Balas Pelajar	56
5.4	Jawapan Kepada Persoalan Kajian	57
	5.4.1 Soalan Kajian Pertama	57
	5.4.2 Soalan Kajian Kedua	58
	5.4.3 Soalan Kajian Ketiga	59

## BAB 6

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	60
6.2	Kesimpulan	60
	6.2.1 Penghasilan Panduan Ringkas	61
	6.2.2 Keberkesanan Penggunaan	61
	6.2.3 Tahap Kepuasan	62
6.3	Cadangan	63
	6.3.1 Panduan Ringkas	63
	6.3.2 Kajian	63

6.3.3 Peruntukan	64
6.3.4 Bengkel	64
<b>RUJUKAN</b>	<b>65</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>68</b>
Lampiran A	68
Lampiran B	74
Lampiran C	79
Lampiran D	80



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1	Kaedah Belajar Dan Peratusan Ingatan	12
Jadual 2	Cadangan Penggunaan Warna Dalam Transparensi	16
Jadual 3	Kombinasi Warna Yang Sesuai Pada Waktu Malam	16
Jadual 4	Pengagihan Sampel Mengikut Pengkhususan	22
Jadual 5	Aras Persetujuan Skala Likert	24
Jadual 6	Dapatan Kajian Rintis Instrumen (Pensyarah)	25
Jadual 7	Dapatan Kajian Rintis Instrumen (Pelajar)	26
Jadual 8	Pembahagian Keputusan Setuju Dan Tidak Setuju	27
Jadual 9	Analisis Skala Pemeringkatan Likert	28
Jadual 10	Kronologi Pembentukan Panduan Ringkas	32
Jadual 11	Aras Persetujuan Skala Likert	37
Jadual 12	Analisis Skala Pemeringkatan Likert	39
Jadual 13	Jantina Pensyarah	41
Jadual 14	Pengalaman Kerja	42
Jadual 15	Latar Belakang Pendidikan	42
Jadual 16	Kelulusan Kerja	43
Jadual 17	Mata Pelajaran Yang Diajar	43
Jadual 18	Min Skor Bagi Item No.6 Hingga No.13	44
Jadual 19	Min Skor Bagi Item No.14 Hingga No.38	45
Jadual 20	Maklum Balas Pensyarah Terhadap Penggunaan Panduan Ringkas	49

Jadual 21	Jantina Pelajar	50
Jadual 22	Pengkhususan Pelajar	50
Jadual 23	Umur	52
Jadual 24	Min Skor Bagi Item No.4 Hingga No.10	52
Jadual 25	Min Skor Bagi Item No.11 Hingga No.21	53
Jadual 26	Min Skor Bagi Item No.22 Hingga No.27	55
Jadual 27	Maklumbalas Pelajar Terhadap Penggunaan Transparensi	56



**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A	Soal Selidik (Pensyarah)	68
Lampiran B	Soal Selidik (Pelajar)	74
Lampiran C	Panduan Ringkas	79
Lampiran D	Data Analisis SPSS	80



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Proses pengajaran dan pembelajaran adalah satu aset penting dalam melahirkan pelajar yang cemerlang. Bagi memastikan proses ini berjalan lancar dan berkesan ianya perlu disokong dengan elemen-elemen lain seperti guru yang berkualiti, kesediaan pelajar menerima pengajaran serta alat dan bahan bantu mengajar (ABBM) yang sesuai.

Ngui Kuan Sang (1989) menyatakan, peranan ABBM adalah untuk membantu guru mencapai objektif pengajaran bukan sepenuhnya untuk menggantikan pengajaran seorang guru. Selain daripada itu ia juga merupakan sebagai alat sokongan dan peneguhan kepada penjelasan yang tepat tentang konsep-konsep tertentu.

Kenyataan ini disokong oleh Rahil Mahyudin (1997), proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah merangkumi empat ciri penting iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada murid, kaedah dan strategi pengajaran serta penilaian yang dilakukan oleh guru. Kesemua ciri ini mempunyai perkaitan yang rapat antara satu sama lain.

Kaedah yang digunakan dalam penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran perlu diambil kira. Ianya harus disesuaikan dengan keadaan masa kini. Guru juga harus arif dengan cara penyampaian ilmu di dalam bilik darjah. Pembaharuan demi pembaharuan perlu dilakukan agar tidak ketinggalan.

Tan Sri Dr Wan Zahid Mohd Nordin (1997) berkata, “untuk mencapai matlamat pendidikan negara satu anjakan paradigma diperlukan dalam cara kita memikirkan tentang penggunaan teknologi yang sesuai di institusi pendidikan. Kualiti pengajaran harus sentiasa dipertingkatkan.” Tambah beliau lagi, penggunaan alat bahan bantu mengajar (ABBM) adalah penting, bukan sahaja dipengaruhi oleh bahan yang hendak disampaikan tetapi juga cara bagaimana bahan itu disampaikan.

Objektif-objektif utama penggunaan ABBM menurut Mat Nor Hussin dan Ab. Rahman Ab. Rashid (1988), adalah:

- 1) Bagi menyediakan satu asas yang kuat tentang sesuatu konsep.
- 2) Merupakan satu daya penarik yang penting kepada pelajar-pelajar.
- 3) Menjadikan hasil pembelajaran lebih kekal
- 4) Memberi pengalaman yang sebenar yang boleh merangsang aktiviti sendiri di kalangan pelajar
- 5) Membina fikiran yang berterusan.
- 6) Membantu perkembangan dalam pemahaman pelajar.
- 7) Menjadikan pengajaran lebih mendalam dan berguna.

Secara umumnya, ABBM boleh dikelaskan kepada dua kategori iaitu elektronik ( contohnya : radio, televisyen, video, kaset OHP (*overhead projector*) dan transparensi, komputer dan lain-lain.) dan bukan elektronik ( contohnya : buku, majalah, jurnal, carta, peta dan lain-lain).

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Pemilihan ABBM yang sesuai merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan dapatan murid dalam sebuah sesi pengajaran. Pelajar mudah hilang tumpuan di dalam kelas jika keadaan kelas membosankan dan secara tidak langsung objektif pengajaran tidak tercapai. Penggunaan ABBM dapat membantu merangsang aktiviti pelajar di dalam kelas.

Ngui Kuan Sang (1989) menyatakan, kegagalan pengajar memilih ABBM yang sesuai merupakan satu halangan atau masalah untuk pelajar memperoleh ilmu secara maksimum. Tambah beliau lagi, ABBM yang kurang sesuai akan mengakibatkan pelajar mudah bosan dan ekoran dari itu dapatan ilmu mungkin tidak menepati objektif yang sepatutnya.

Oleh yang demikian penghasilan transparensi tersebut mestilah mengikut garis panduan yang sepatutnya agar penggunaannya tidak sia-sia. Bagi guru pula pengajaran menggunakan transparensi akan lebih memudahkan kerana nota telah dibuat terlebih dahulu sebelum sesi pengajaran. Ini menjadikan guru lebih bersedia dan perjalanan kelas juga lebih teratur.

Menurut kajian Shuzura Yusof (2000), penggunaan transparensi dan OHP (min 3.67) adalah kedua tertinggi menjadi pilihan pelajar selepas penggunaan *whiteboard* (min 4.71). Ini jelas menunjukkan walaupun dewasa ini telah banyak ABBM yang ada di pasaran namun penggunaan transparensi masih menjadi pilihan utama di kalangan pensyarah bagi memantapkan pengajaran mereka.

Sejajar dengan saranan Tan Sri Dr Wan Zahid Mohd Nordin di mana beliau mahukan satu anjakan paradigma dalam proses pengajaran dan pembelajaran masa kini penggunaan transparensi dan OHP haruslah dipertingkatkan lagi. Ini adalah bagi menggantikan pembelajaran zaman tradisi yang lebih memberi penekanan terhadap



penggunaan konsep '*chalk and talk*' di mana kaedah ini dianggap tidak sesuai lagi digunakan pada masa kini (Dr. Baharuddin Aris, 2000).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Dewasa ini, ramai pensyarah memilih transparensi sebagai ABBM untuk menyampaikan pengajaran tetapi penggunaannya tidak mengikut ciri-ciri penghasilan transparensi yang berkesan. Ekoran daripada itu pelajar tidak memperolehi hasil yang optima dalam pembelajaran dan objektif pembelajaran juga sukar dicapai (Hj. Mahat Ibrahim, 1997).

Memandangkan penggunaan ABBM yang relevan dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan, kajian ini dibuat bertujuan untuk meninjau keberkesanan penggunaan transparensi dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada panduan ringkas yang telah dihasilkan.

### 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- a. Mengetahui sama ada pelajar dapat menerima penggunaan transparensi sebagai ABBM selepas pensyarah mengikut panduan ringkas yang disediakan.
- b. Mengetahui sama ada penggunaan transparensi ini membantu pensyarah mencapai objektif pengajaran.
- c. Meninjau keberkesanan penggunaan panduan ringkas tersebut.

### 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian ini adalah:

- a. Adakah pelajar dapat menerima cara penggunaan transparensi selepas pensyarah mengikut panduan ringkas yang disediakan?
- b. Adakah pensyarah merasa panduan ringkas penggunaan transparensi ini membantu pencapaian objektif pengajaran?
- c. Adakah panduan ringkas tersebut berkesan?

### 1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah tertumpu kepada pensyarah dan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Johor Bahru. Jumlah responden yang diambil adalah seramai 150 orang dan dipilih secara rawak daripada jabatan tersebut.

### 1.7 Definisi

Penyelidik menggunakan beberapa istilah di dalam kajian ini iaitu:

#### 1.7.1 Transparensi

Baharuddin Aris (2000), mendefinisikan transparensi sebagai kepingan lutsinar yang boleh mengandungi tulisan, lakaran, rajah, atau apa jua bentuk gambar yang dicetak ke atasnya.

### 1.7.2 Pakej

Menurut Kamus Oxford Fajar Advanced Learner's English-Malay (2000), muka surat 1311 pakej adalah:

- 1) Seperangkat cadangan yang ditawarkan bagi satu keseluruhan.
- 2) Set program yang mempunyai perkaitan yang erat antara satu sama lain untuk penggunaan tertentu dijual atau digunakan sebagai satu unit tersendiri.

### 1.7.3 Pengajaran

Atan Long (1996), mentakrifkan pengajaran sebagai satu proses penyampaian pelajaran menggunakan kaedah tertentu dan proses ini melibatkan pelajar dan pendidik.

### 1.7.4 Berkesan

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh penyelidik perkataan berkesan yang digunakan diistilahkan sebagai pelajar boleh menerima penggunaan transparensi sebagai ABBM untuk membantu mereka memahami sesuatu pelajaran dengan lebih mudah, menarik, terancang dan dan cepat.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan dapat memberi faedah kepada pihak-pihak seperti di bawah:

### 1.8.2 Pelajar

Faedah yang diperolehi pelajar adalah membantu dan memudahkan penerimaan isi pengajaran hasil daripada nota berkesan yang disediakan oleh pensyarah. Secara tidak langsung prestasi akademik dapat dipertingkatkan dan seterusnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) akan tercapai.

### 1.8.3 Pensyarah

Membantu pensyarah menghasilkan nota transperensi dengan lebih baik berpandukan panduan ringkas yang telah dihasilkan. Oleh yang demikian segala nota dapat disampaikan dengan lebih sistematik dan teratur bagi memudahkan pencapaian objektif pengajaran.

### 1.8.4 Institusi

Kajian ini dapat memberi maklumat dan kesedaran agar pihak institusi dapat menyediakan peralatan untuk menyediakan ABBM bagi memastikan tiada sebarang halangan untuk menghadapi sesi pengajaran dan pembelajaran.

## 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas di Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Johor Bahru. Oleh yang demikian segala keputusan dan rumusan yang diperolehi hanya sesuai diaplikasikan untuk sampel ini sahaja.

## BAB II

### SOROTAN PENULISAN

#### 2.1 Pengenalan

Dewasa ini terdapat banyak alat bahan bantu mengajar di pasaran. Dalam keghairahan kita menggunakan bahan-bahan tersebut keperluan terhadap maklum balas pelajar perlu diambil kira. Penumpuan perhatian dan minat pelajar dalam proses menimba ilmu adalah dipengaruhi oleh alat bahan bantu mengajar yang digunakan kerana secara tidak langsung penggunaan alat-alat ini dapat memberi motivasi kepada para pelajar.

Noor Haznida Bakar dalam Murally Tharen(1999) telah menjalankan satu eksperimen bagi melihat kesan penggunaan ABBM terhadap pencapaian pelajar tingkatan 4 dalam mata pelajaran fizik di dua buah sekolah yang berlainan. Perbandingan dibuat antara kumpulan pelajar yang diajar menggunakan ABBM dengan kumpulan yang tidak menggunakan ABBM. Hasil kajian menunjukkan kumpulan pelajar yang menggunakan ABBM mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik berbanding dengan yang tidak menggunakan ABBM. Ini jelas menunjukkan ABBM memainkan peranan yang penting dalam pencapaian akademik pelajar.

## 2.2 Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan ABBM

Pemilihan media dalam pengajaran merupakan satu proses yang kompleks dan perlu dijalankan secara terancang dan sistematik. Ia memerlukan peruntukan masa, tenaga, dan kemahiran membuat pemilihan serta penilaian. Ini bermakna tidak semua pengajar mampu menyediakan ABBM sebelum pengajaran ekoran daripada beban tugas sampingan masing-masing. Sebagai contoh seorang guru mungkin terpaksa mengajar beberapa mata pelajaran dan terpaksa menguruskan aktiviti kelab dan persatuan. Jadi masa yang sepatutnya ada untuk menyediakan ABBM terpaksa dialihkan kepada tugas yang lain.

Sebagaimana yang telah dinyatakan media komunikasi mempunyai pengaruh yang besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu pemilihan media dan bahan bantu mengajar adalah satu perkara yang sangat penting.

Menurut Yusuf Hashim (1998), keberkesanan pengajaran dan pembelajaran akan terjejas atau diminimumkan sekiranya penggunaan media dan kaedah tidak sesuai. Sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan pensyarah perlu memastikan ABBM yang digunakannya mampu memenuhi objektif pembelajaran pada hari tersebut.

Baharuddin Aris (2000) menyatakan, terdapat enam faktor utama yang mempengaruhi penggunaan ABBM iaitu:

- 1) Kesesuaian dengan topik pengajaran

Sebelum memilih ABBM yang sesuai pensyarah perlu menentukan apakah tajuk, isi kandungan dan objektif pembelajaran yang ingin disampaikan.

Seterusnya menjawab persoalan adakah ABBM yang dipilih mampu membantu mencapai objektif yang sepatutnya.

Rudin Salinger (1984) menyatakan, penggunaan ABBM yang sesuai dengan topik dan objektif pengajaran memudahkan pelajar memahami dan mengingati pelajaran yang disampaikan.

#### 2) Latar belakang murid

Bahan yang dipilih mestilah sesuai dengan tahap kebolehan dan perkembangan pelajar dalam bidang bahasa, tahap perkembangan serta pendengaran.

Menurut Atan Long (1983), dalam menentukan pengalaman pengajaran yang berkesan untuk pelajar, pengajar perlu mengenal pasti ciri kon pengalaman Edgar Dale. Ciri kon pengalaman Edgar Dale adalah pengalaman pembelajaran bermula daripada konkrit ke abstrak serta pengalaman nyata kepada tidak nyata. Kon pengalaman Edgar Dale bermula dari pembelajaran secara langsung diikuti dengan demonstrasi, lawatan, pameran, televisyen, gambar bergerak sehinggalah kepada rakaman audio, simbol visual dan akhirnya simbol lisan.

#### 3) Faktor pengurusan dan pentadbiran

Ramai pensyaah tidak menggunakan ABBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana kurang peruntukan kewangan. Ini bermakna mereka terpaksa mengeluarkan duit mereka sendiri untuk tujuan tersebut.

#### 4) Faktor peralatan dan tempat

Kekurangan peralatan dan ketidaksesuaian tempat juga menjadi alasan terhadap penggunaan ABBM.

Merujuk kepada hasil tulisan Baharuddin Aris dalam Seidman (1986) menyatakan ramai guru di Malaysia tidak gemar menggunakan ABBM kerana kuantitinya yang tidak mencukupi serta bilik tayangan yang kurang selesa.

#### 5) Faktor kepentingan pengguna

Tidak dapat dinafikan ABBM banyak memberikan kebaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Ngui Kuan Sang (1989), antara kepentingan penggunaan ABBM adalah:

- Merangsang dan memotivasikan minat pelajar
- Memperkembangkan pemahaman dan corak pemikiran
- Mengekalkan pembelajaran
- Menyediakan serta memberikan pengalaman
- Merangsang kegiatan pelajar
- Mempelbagaikan corak pengajaran
- Menjimatkan masa pengajaran
- Mendorong penyiasatan yang lebih mendalam
- Menambah dan menguatkan daya ingatan
- Bank maklumat
- Menimbulkan keseronokan belajar

#### 6) Faktor penyediaan dan penggunaan

Merujuk kepada hasil tulisan Baharuddin Aris dalam Dodge, Bogdan dan Lewis (1974) menyatakan proses penyediaan ABBM memerlukan masa yang agak panjang. Hal ini menyebabkan guru tidak sempat menyediakannya, apatah lagi ditambah dengan beban tugas harian mereka.

Hasil kajian Naim Hj. Ahmad (1983), peratus ingatan pelajar boleh diperolehi daripada pelbagai kaedah seperti dalam Jadual 1. Semakin banyak deria yang terlibat dalam proses pembelajaran semakin tinggi peratus ingatan mereka.





## RUJUKAN

Atan Long (1991) . " Pedagogi Kaedah Am Mengajar. " Kuala Lumpur : Amiza Publishing Sdn. Bhd.

Babbie, E.R. (1990). "Survey Reserch Methods" 2<sup>nd</sup>.ed.Belmond C.A.:Wadsworth.

Baharuddin Aris, Noraffandy Yahya (2000) . " Siri Modul Pembelajaran Teknologi Pendidikan." Jabatan Multimedia Pendidikan, Fakulti Pendidikan UTM.

Dr. Wan Zahid Bin Mohd Nordin (1997) . " Sekolah Bestari Di Malaysia Hala Tuju Dan Masa Depan)".

Hayati Sharudin (2000) . " Persepsi Pelajar Sarjana Pendidikan semester 1 Dan 2 Terhadap Penggunaan ABBM Sebelum Latihan Mengajar." KUiTTHO: Tesis Sarjana.

Heinich et al. (1996) . " Instructional Mesia And The New Technology Since 1920. New York: Macmillan Publishing Compny.

Hj. Mahat Ibrahim (1997) . " Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Satu Kajian Kes : Sekolah Menengah Temenggong Ibrahim Batu Pahat, Johor." Bil ISSN 1394-8584. Cerana Jurnal Pendidikan , Makta Perguruan Batu Pahat.

Kamus Dewan (1994) . " Kamus Dewan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamus Oxford Fajar Advanced Learner's English-Malay (2000) : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kemp, J.E (1980) . " Planning And Producing Audiovisual Siri Material." New York : Harper and Row Publisher.

Md. Ashraf Mohamad (2000). "Penggunaan Media Elektronik Dalam Pembelajaran:Tinjauan TerhadapKemahiran Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar Sarjaa Pendidikan KUiTTHO ." KUiTTHO: Tesis Sarjana.

Muhamad Hassan Abdul Rahman (2000) . " Media Pengajaran: Penghasilan Bahan Pengajaran Berkesan." Universiti Putra Malaysia Serdang.

Mat Nor Hussin, Ab. Rahman Ab. rashid (1988) . " Alat Bantu mengajar Dalam Pengajaran Bahasa." Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Mohd Majid Konting (1999) . " Pusat Sumber Sekolah Struktur Dan Organisasi." Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). " Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit.UTM.

Naim Hj. Ahmad (1989). " Teknologi Pendidikan satu Pengenalan. Kursus Asas Pendidikan Ketiga Sekolah Menengah Agama Terengganu. " Universiti Pertanian Malaysia, Serdang : 1-7.

Ngui Kuan Sang (1989) . "Teknologi Pendidikan Penggunaannya Dalam Pengajaran Geografi. "Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Noor Haznida Bakar (2001). " Persepsi Guru terhadap Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABBM) Di Sekolah Menengah daerah Batu Pahat." KUiTTHO: Tesis Sarjana.

Norihan Abu Hassan (1997). "Pereancangan, Penerbitan dan Penggunaan Media Pengajaran." UTM.

Norman E. Wallen And Jack R. Fraenkel (1991). "Education Research : A Guide To The Process." Mc Graw Hill, Inc., New York.

Rahil Mahyudin (1997). "Pedagogi 2 : Perlaksanaan Pengajaran." Selangor : Longman.

Razali Nor (1995). "Media Unjuran dan Media Elektronik." Kuala Lumpur : Kumpulan Budima Sdn. Bhd.

Rudin Salinger (1984). "Alat Bantu Mengajar : Satu Bantuan " Pusat Teknologi Pendidikan, UKM.

Sekaran (1992). "Research method For Business : A Skill Buliding Aproch." New York : John Wiley & Son, Inc.

Shuzura Yusof (2000). "Persepsi Pelajar Terhadap Kesesuaian Penggunaan ABBM Dalam Mata Pelajaran Perakaunan: Tinjauan Ke Atas Pelajar Perakaunan Di Politeknik Kota Baharu." KUiTTHO: Tesis Sarjana.

Sharifah Alwiah Alsagof (1984). "Teknologi Pengajaran." Dewan Bahasa Dan Pustaka , Kuala Lumpur.

Sidi Gazalba (1981). "Pembimbing Latihan Ilmiah Dan Tesis." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Yusuf Hashim (1998). "Teknologi Pengajaran." Shah Alam : Fajar Bakti.